

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pembangunan dalam TVET merupakan usaha penting untuk peningkatan guna tenaga negara. Sejauh manakah pelaksanaan TVET yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dahulu yang melibatkan tujuh Kementerian atau apakah terdapat perubahan dasar baru dalam perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652) telah mewujudkan Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan untuk memperkasakan TVET. Hasil daripada kajian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) bersama *Pricewaterhouse Coopers*, telah menyediakan satu *blueprint* bagi memperkasakan TVET dan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi pembangunan modal insan yang di pacu oleh industri.

2. Di samping itu, Jawatankuasa Khas (Kabinet) Pemerksaan TVET (JKKPTVET) telah ditubuhkan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan turut dianggotai oleh 9 kementerian dan 9 orang Menteri ahli iaitu YB Menteri Sumber Manusia, YB Menteri Belia dan Sukan, YB Menteri Pembangunan Luar Bandar, YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB Pembangunan Usahawan, YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan YB Menteri Kerja Raya bersama-sama wakil dalam industri bagi menentukan hala tuju TVET negara menghadapi revolusi industri 4.0.